

Headline	TNB sumbang RM1.37 juta kepada mangsa banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Page No	6
ArticleSize	94 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,584		



## TNB sumbang RM1.37 juta kepada mangsa banjir



**SHAH ALAM** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyalurkan sumbangan sejumlah RM1.37 juta terhadap mangsa-mangsa banjir yang terjejas teruk iaitu di Johor, Pahang dan Terengganu.

Bantuan tersebut disalurkan atas peranan dan tanggungjawab

TNB sebagai sebuah syarikat yang berkaitan kerajaan yang prihatin.

Bantuan berupa lebih 60 set jana kuasa dan keperluan asas harian seperti pakaian terpakai, bahan masakan, dan alas tidur telah diagihkan sejak awal bencana melanda.

Barang-barang keperluan ter-

sebut telah diserahkan ke kawasan terpilih iaitu Kampung Paya Merah, Labis dan Sekolah Kebangsaan Bandar Mersing, di Johor, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kuantan dan Pejabat Daerah Kemaman dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu di Terengganu.